

12 NOV 1999

Nell-reaksi

TINDAKAN NELL BIJAK, KATA PEMIMPIN UMNO

KOTA BAHARU, 12 Nov (Bernama) -- Keputusan Ketua Wanita Keadilan Nell Onn keluar daripada parti itu jelas membuktikan bahawa parti itu tidak boleh diterima oleh rakyat, kata Ketua Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak pula berkata tindakan Nell itu didorong oleh kesedaran bahawa parti-parti pembangkang tidak mempunyai arah tujuan dan matlamat perjuangan yang jelas.

Mengulas pengumuman Nell semalam untuk keluar daripada Keadilan berkuatkuasa 4 Nov lepas, Najib berkata walaupun Nell tidak begitu aktif kerana kesihatannya yang terganggu tetapi peletakan jawatannya tetap bermakna kepada Umno kerana beliau adalah dari keluarga Datuk Onn Jaafar, pengasas Umno.

Siti Zaharah pula sambil memuji Nell kerana bertindak bijak, menyeru semua wanita yang masih berada dalam Keadilan meninggalkan parti itu bagi kepentingan negara.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis Perhimpunan Wanita Negeri Kelantan di sini hari ini, Siti Zaharah berkata parti pembangkang seperti Keadilan yang tidak stabil itu "boleh datang dan pergi" tetapi rakyat akan menjadi mangsa sekiranya memilih parti yang tidak boleh membawa kestabilan.

Beliau yakin rakyat akan memberi sokongan kepada Barisan Nasional kerana pencapaiannya begitu baik dalam memperjuangkan kepentingan agama, bangsa dan negara.

Siti Zaharah juga meminta wanita Kelantan membuat pertimbangan yang rasional pada pilihan raya umum 29 Nov ini.

"Tanda-tanda (menunjukkan) kita (BN) akan menang dengan majoriti yang meyakinkan. Oleh itu di Kelantan kita menaruh kepada wanita, mereka akan buat pertimbangan yang rasional atas kepentingan negara, bangsa, masa depan dan kepentingan bahawa kita nak lihat kemakmuran dan pembangunan yang berterusan," katanya.

Ditanya mengenai jumlah calon wanita yang akan bertanding pada pilihan raya umum itu, Siti Zaharah berkata senarainya akan ditentukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Presiden Keadilan Dr Chandra Muzaffar berkata parti itu akan menyiasat punca peletak jawatan Nell walaupun ia telah dimaklumkan bahawa tindakannya itu disebabkan faktor kesihatan.

"Kita dimaklumkan dia letak jawatan kerana kesihatan dan memang benar dalam tempoh tiga empat minggu yang lalu keadaan kesihatan beliau terganggu," katanya kepada pemberita.

Ketika ditanya sama ada peletakan jawatan Nell memberi tamparan kepada Keadilan, beliau berkata Keadilan tidak bergantung kepada individu-individu tertentu.

-- BERNAMA

JAI MAI